

DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGI KAMI

July 30, 2013

Dilema Sejarah Permuziuman Negeri Selangor: Sambutan Satu Suku Abad Lebih Tepat

-->

BBB, 20 Ramadhan 1434 = 29 Julai 2013 (Isnin):

Pada setiap tahun pada tanggal 18 Mei adalah Hari Muzium Antarabangsa (Museum In A Changing World, 2012: 7). Maka pada setiap tahun Negara kita – Muzium Negara dan juga muzium negeri-negeri menyambut Hari Muzium Antarabangsa ini. Pada tahun hadapan 18 Mei 2014 negeri Selangor akan menjadi Tuan Rumah bagi sambutan Hari Muzium Antarabangsa, selepas tahun ini 2013 disambut di Sarawak dan pada tahun lepas di Pahang.



Muzium Pekan Pahang

Sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa di Selangor oleh Perbadanan Adat dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang Muzium Negeri Selangor termasuk dibawahnya dijangka akan menyambut Jubli Perak Muzium Negeri Selangor. Ada beberapa persoalan mengenai, jika menyambut Jubli Perak Muzium Negeri Selangor ini mau dilakukan.



Muzium Serawak

Adakah tepat dikatakan Sambutan Jubli Perak bagi Muzium Negeri Selangor pada tahun hadapan ?


Tarikh ini dikira dari tarikh perasmian bangunan Muzium Sultan Alam Shah sekarang oleh Al-Marhum Duli yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 2 September 1989. Dengan tarikh ini, maka pada tarikh sambutan Hari Muzium Antarabangsa (18 Mei), usia bagi tarikh Muzium Sultan Alam Shah dibuka adalah 24 tahun lapan bulan dan 16 hari, tetapi jika hendak menepati 25 tahun, ialah pada 2 September 2014. Tetapi sambutan bagi 25 tahun (Jubli Perak) tidak semestinya tepat pada 2 September 2014.

Tetapi dipersoalkan, benarkah usia permuziuman di negeri Selangor begitu muda – lebih muda dari usia permuziuman negeri Terengganu dikira dari 1 November 1977 (Perayaan Jubli Perak Muzium Negeri


ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 0 0 0 0 6
8


PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR



~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~



~TEORI TAKMILAH~

Terengganu, 2003: VIII). Adakah tarikh 25 tahun dikira dari tarikh perasmian bangunan (2 September 1989) atau seharusnya dikira dari tarikh penubuhan Lembaga Muzium negeri Selangor (27 Disember 1975) sebagaimana tarikh dikira 25 tahun bagi Muzium Negeri Terengganu selepas Penubuhan Lembaga pada 1 November 1977. Jika dikira dari penubuhan Lembaga Muzium (27 Disember 1975), maka usia permuziuman negeri Selangor tidaklah sebenarnya 25 tahun, tetapi melangkaui (berdasarkan 18 Mei), maka usia permuziuman negeri Selangor adalah 36 tahun 4 bulan 21 hari. Ini bererti apa yang dimaksudkan dengan Sambutan Jubli Perak itu tidaklah tepat ! Mengenai sambutan Jubli Perak ini seingat Penulis masih tidak dibawa di dalam perbincangan Lembaga.



Muzium Negri Sembilan

Hakikat sebenarnya permuziuman Negeri Selangor adalah salah satu permuziuman tertua di Malaysia. Muzium tertua di Malaysia ialah Muzium Taiping Perak yang mula dibina pada bulan Januari 1883 dan mula beroperasi sebagai muzium ialah pada tahun 1886. Bagi negeri Selangor, maka pengasasan muziumnya adalah sebagaimana maklumat berikut:



Muzium Taiping

“Pengasas penubuhan Muzium Selangor ialah H.C.Syers, dimana pembinaan ini telah dimulakan pada tahun 1888 dan siap sepenuhnya pada tahun 1904. Usaha-usaha mengumpulkan artifek-artifek zaman pra-sejarah untuk dipamerkan di muzium tersebut telah bermula sejak tahun 1894 lagi di mana J.P.Rodger telah menghadiahkan beberapa kapak dan beliung yang dikenali sebagai ‘Batu Lintar’ pada masa itu kepada muzium tersebut.”

(Ahmad Kamal Muhamad & Mohd. Zainudin Haji Abdullah, Sejarah Dan Perkembangan Muzium Selangor Sehingga Terbinanya Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam (1887-2002), Seri Alam, Jurnal Lembaga Muzium Selangor Darul Ehsan, Bil. 7, 2002/2003, hlm. 130).




Muzium Negara


Bagi penulis tarikh sejarah permuziuman negeri Selangor sebagai negeri kedua tertua mewujudkan muzium di negeri Selangor hendaklah dikira dari 1887 (persetujuan) sebelum memulakan pembinaan. Ini bererti usia permuziuman negeri Selangor ialah sudah 127 tahun. Satu sejarah permuziuman yang membanggakan. Adapun perubahan-perubahan pensejarahan yang berlaku tidak menjelaskan hakikat usia tersebut. Ini seperti penyataan dengan Muzium Perak (1910), kemudian diasingkan (1932), kemudian disatukan kembali (1938), penutupan Muzium Negeri Selangor bila Jepun memerintah (8 Disember 1941) dan British tinggalkan Muzium Selangor pada 9 Januari 1942, 10 Mac 1945 Muzium Negeri Selangor musnah kena bom tersasar oleh tentera Amerika dan pembinaan bangunan di atas tapak Muzium Negara sekaran secara




~PUNCAK RINDU~
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~
Himpunan penyertaan Pertandingan Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar Ilmu 2012



~BANGI BANDAR ILMU~



SHAFIE ABU BAKAR

Jabatan Penerjemah Melayu
Pusat Bahasa Kemajuan dan Kewacanaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

sementara siap dan dirasmikan pada 1953 dan dibina secara kekal seperti sekarang ini dan dirasmikan pada 31 Ogos 1963. Sehingga 1 Februari 1974 muzium di Kuala Lumpur itu kekal sebagai Muzium Negeri Selangor sehingga pada tarikh tersebut dirasmikan termasuk di bawah Wilayah Persekutuan.

~MADU ILMU~



Bagi Penulis, sejarah Permuziuman Negeri Selangor yang berwarna-warna dan berpelbagai dan menarik sejak 1887 adalah Sejarah sebenar Permuziuman negeri Selangor dan tak dapat dipisahkan, bahkan segala warisan dan artifak yang terhasilkan sejak zaman kerajaan negeri Selangor adalah tetap sejarah permuziuman negeri Selangor sebagai contoh Bangunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor – Bangunan Sultan Abdul Samad adalah warisan sejarah negeri Selangor. Begitulah dengan berbagai-bagai warisan yang lain. Kerajaan Persekutuan atau Kementerian Wilayah boleh mendakwa sebagai sejarah dan permuziuman baginya selepas bahan-bahan diwujudkan selepas 1 Februari 1974. Kedua belah pihak perlu bersefahaman dan bekerjasama.

Bagi Penulis ungkapan Sambutan Satu Suku Abad Muzium Negeri Selangor sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2014 lebih baik dan tepat dari memperkecilkan diri dengan Sambutan Jubli Perak Muzium Negeri Selangor.

Sekian.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [7:20 AM](#)

No comments:

Post a Comment

Enter your comment...

 Comment as: Syahrul Sazli S


Notify me

Newer Post


Home

Older Post


Subscribe to: Post Comments (Atom)



~WAJAH DIRI~



~PAMFLET PENYAIR~



~PERADABAN MELAYU~



~PENGAJIAN DI MASJID
AL-UMM: CADANGAN~